Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol.14 (2), 87-109, 2026
Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

Algebra Dan Pengurusan Dalam Kritikan Sastera Melayu

Algebra and Management in Malay Literary Criticism

Mohd. Taha Abd. Wahab
tahamegaconsult@gmail.com

*Azhar Wahid**
azhar@fbk.upsi.edu.my

Rahmanyasin Jaafar
rahmanyasin.jaafar@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

**Corresponding author*

Received:16 August 2026; Published: 24 November 2026

Cite this article (APA) as:

Abd. Wahab, M. T., Wahid, A., & Jaafar, R. (2026). Algebra Dan Pengurusan Dalam Kritikan Sastera Melayu. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 14(2), 87 - 109. Retrieved from https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/222

ABSTRAK

Kritikan sastera Melayu berkembang melalui pelbagai pendekatan yang berusaha menjelaskan hubungan antara teks, pengarang, masyarakat, budaya, pemikiran dan pengalaman manusia. Namun demikian, perkembangan ilmu yang semakin bersifat silang disiplin membuka ruang untuk memperluas kaedah membaca karya sastera dengan menghubungkan ilmu kemanusiaan dengan bidang ilmu yang lazimnya dianggap berada di luar lingkungan kritikan sastera, termasuk matematik. Artikel ini membincangkan gagasan rentas ilmu antara matematik, khususnya algebra, dengan pengurusan sebagai suatu wacana baharu dalam kritikan sastera Melayu. Perbincangan berasaskan premis bahawa algebra bukan semata-mata ilmu berkaitan angka dan pengiraan, sebaliknya merupakan bahasa formal bagi menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah, pola, perubahan, keseimbangan, kekangan dan sistem. Pengurusan pula merupakan bidang yang berurusan dengan perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan, kawalan, sumber, manusia, masa, keputusan dan pencapaian matlamat. Tambahan lagi ilmu dari teori semiotik juga diaplikasikan dengan tujuan menganalisis watak, perwatakan, plot dan dialog dari karya kajian iaitu novel-novel *Sampah, Kemelut* dan *Tivi.* Apabila ketiga-tiga ilmu tersebut direntas dalam analisis sastera, teks dapat dilihat sebagai suatu sistem naratif yang memperlihatkan hubungan antara manusia, sumber, kuasa, teknologi, masa, matlamat dan akibat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif konseptual melalui analisis kepustakaan dan analisis konseptual terhadap hubungan antara teori semiotik, prinsip pengurusan dan teori matematik-algebra sebagai konsep kritikan sastera. Kerangka Pendekatan Pengurusan Mohamad Mokhtar Abu Hassan yang berasaskan lima prinsip dijadikan asas pengurusan, manakala konsep algebra seperti pemboleh ubah, persamaan, fungsi, keseimbangan dan perubahan digunakan sebagai alat pemodelan hubungan. Dapatan konseptual menunjukkan bahawa algebra boleh berfungsi sebagai bahasa analitik untuk mengenal pasti struktur hubungan pengurusan dalam naratif, sementara pengurusan menyediakan konteks sosial dan fungsional bagi mentafsir hubungan algebra tersebut. Artikel ini berpendapat bahawa rentas ilmu matematik, pengurusan dan teori semiotik berpotensi memperluas epistemologi kritikan sastera Melayu daripada pembacaan yang bersifat interpretatif

ISBN:2637-126X

kepada pembacaan yang turut mengenal pasti struktur hubungan dan sistem yang tersembunyi dalam naratif.
Kata kunci: Algebra, matematik, pembolehubah, pengurusan sastera, semiotik

ABSTRACT

Malay literary criticism has developed through various approaches that seek to explain the relationships between texts, authors, society, culture, thought, and human experience. Nevertheless, the increasingly interdisciplinary development of knowledge has created opportunities to expand the methods of reading literary works by connecting the humanities with fields of knowledge that are conventionally regarded as being outside the scope of literary criticism, including mathematics. This article discusses the interdisciplinary integration of mathematics, particularly algebra, with management as a new discourse in Malay literary criticism. The discussion is based on the premise that algebra is not merely a field of knowledge concerned with numbers and calculations, but also a formal language for explaining relationships between variables, patterns, changes, equilibrium, constraints, and systems. Management, on the other hand, is a field concerned with planning, organising, leadership, staffing, control, resources, people, time, decision-making, and the achievement of objectives. In addition, knowledge derived from semiotic theory is applied to analyse characters, characterisation, plot, and dialogue in the selected literary works, namely the novels Sampah, Kemelut, and Tivi. When these three fields of knowledge are integrated into literary analysis, the text can be viewed as a narrative system that demonstrates relationships between people, resources, power, technology, time, objectives, and consequences. This study employs a conceptual qualitative approach through a literature review and conceptual analysis of the relationships between semiotic theory, management principles, and mathematical-algebraic theory as concepts in literary criticism. The Management Approach framework developed by Mohamad Mokhtar Abu Hassan, which is based on five principles, serves as the foundation for the management dimension, while algebraic concepts such as variables, equations, functions, equilibrium, and change are employed as tools for modelling relationships. The conceptual findings indicate that algebra can function as an analytical language for identifying the structure of management relationships within narratives, while management provides the social and functional context for interpreting those algebraic relationships. This article argues that the interdisciplinary integration of mathematics, management, and semiotic theory has the potential to expand the epistemology of Malay literary criticism from interpretive reading towards an approach that also identifies the underlying structures of relationships and systems within narratives.
Keywords: algebra, mathematics, variables, literary management, semiotics

PENGENALAN

Kesusasteraan merupakan medan pemikiran yang mempertemukan bahasa, pengalaman manusia, imaginasi, nilai, budaya, sejarah dan struktur sosial. Karya sastera tidak hanya mengemukakan cerita, watak atau konflik, tetapi turut memaparkan cara manusia berhubung dengan manusia lain, cara masyarakat membina organisasi, cara sumber diagihkan, cara kuasa digunakan, cara teknologi dimanfaatkan dan cara keputusan menghasilkan akibat. Oleh sebab itu, karya sastera mempunyai sifat multidimensional dan tidak semestinya boleh difahami secara menyeluruh melalui satu perspektif ilmu sahaja.

Perkembangan kritikan sastera moden dan kontemporari telah memperlihatkan kecenderungan untuk merentas sempadan disiplin. Karya sastera telah dibaca melalui sosiologi, psikologi, sejarah, antropologi, ekonomi, politik, ekologi, gender, teknologi dan pelbagai bidang lain. Perkembangan ini menunjukkan bahawa sastera tidak semestinya menjadi objek yang hanya dimiliki oleh ilmu kesusasteraan. Sebaliknya, teks boleh menjadi ruang pertemuan ilmu. Dalam konteks ini, hubungan antara matematik dan kesusasteraan bukanlah sesuatu yang mustahil atau bersifat paradoks. Kajian dalam bidang literatur and matematik telah menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua bidang tersebut mempunyai sejarah dan bentuk yang pelbagai, termasuk kehadiran matematik dalam

ISBN:2637-126X

karya sastera, penggunaan konsep matematik dalam naratif serta penerokaan hubungan antara struktur matematik dengan struktur naratif. Nina Engelhardt dan Robert Tubbs (2021), misalnya, memperlihatkan bahawa matematik dan sastera mempunyai hubungan yang lebih kompleks daripada anggapan bahawa matematik semata-mata bersifat teknikal manakala sastera semata-mata bersifat humanistik. Bidang literatur and matematik sendiri telah berkembang sebagai satu medan penyelidikan yang mengkaji hubungan antara dua bentuk pengetahuan tersebut.

Kesusasteraan dan matematik mungkin kelihatan sebagai dua ranah pengetahuan, amalan dan pemaknaan yang sama sekali berbeza. Kesusasteraan lazimnya dikaitkan dengan pengalaman subjektif, pengalaman individu, kedalaman emosi dan kerencaman kehidupan manusia, serta dihasilkan dan dibaca dalam konteks sejarah, budaya dan sosial tertentu. Sebaliknya, matematik lazimnya dilihat sebagai suatu sistem kebenaran yang kekal, dibentuk melalui kaedah objektif dan ketat dalam suatu pengumpulan pengetahuan yang berterusan.

Jika kesusasteraan secara teori boleh diakses oleh semua pembaca yang celik dan mungkin memperoleh kekuatan apabila menghasilkan pelbagai tafsiran, matematik pula diraikan kerana kepastian dan ketepatannya dan kadangkala dianggap sebagai ranah para genius. Kesusasteraan mahupun matematik tidak mudah dicirikan. Kedua-duanya mengalami perubahan, krisis dan persoalan yang belum selesai. Hubungan antara kedua-duanya juga bukanlah hubungan pertentangan yang jelas, tetapi melibatkan pelbagai kesalinghubungan, persamaan yang rumit dan peminjaman kreatif.

Walau bagaimanapun, hubungan antara matematik dengan kritikan sastera Melayu masih boleh diperluas. Salah satu ruang yang mempunyai potensi besar ialah hubungan antara algebra dan pengurusan. Algebra dipilih bukan kerana ia mewakili keseluruhan matematik, tetapi kerana struktur algebra sangat dekat dengan konsep pengurusan. Algebra berurusan dengan pemboleh ubah, hubungan, fungsi, persamaan, ketaksamaan, perubahan dan sistem. Pengurusan pula berurusan dengan manusia, sumber, matlamat, masa, keputusan, organisasi, kawalan dan prestasi.

Persamaan konseptual ini membuka suatu persoalan penting iaitu pengurusan boleh digunakan sebagai pendekatan dalam kritikan sastera, adakah konsep algebra boleh digunakan untuk memperhalus pembacaan terhadap struktur pengurusan yang terkandung dalam karya? Maka persoalan yang timbul adalah menjurus kepada algebra berfungsi sebagai bahasa hubungan, pengurusan sebagai bahasa sistem dan sastera sebagai bahasa pengalaman manusia. Ketiga-tiganya boleh bertemu dalam satu medan kritikan rentas ilmu.

Pendekatan Pengurusan yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan memberikan asas yang penting kepada usaha ini. Pendekatan tersebut mengemukakan lima prinsip utama, iaitu Perancangan, Pengorganisasian, Kepimpinan, Penstafan dan Kawalan. Pendekatan ini telah digunakan untuk membaca karya sastera dan membuktikan bahawa unsur pengurusan dapat dikenal pasti dalam pelbagai bentuk naratif. Oleh itu, artikel ini tidak bertujuan menggantikan Pendekatan Pengurusan dengan matematik. Sebaliknya, artikel ini mencadangkan agar algebra digunakan sebagai lapisan analitik tambahan untuk menjelaskan hubungan yang terkandung dalam setiap prinsip pengurusan. Misalnya, perancangan melibatkan hubungan antara matlamat, sumber dan masa. Pengorganisasian melibatkan hubungan antara manusia, fungsi dan struktur. Kepimpinan melibatkan hubungan antara kuasa, maklumat dan keputusan. Penstafan melibatkan hubungan antara manusia, kapasiti dan keperluan. Kawalan melibatkan hubungan antara sasaran, pencapaian dan penyimpangan. Kesemua hubungan tersebut mempunyai bentuk yang boleh dihuraikan melalui pemikiran algebra.

OBJEKTIF

1. Mengenalpasti epistemologi matematik, khususnya algebra, merentas ilmu dalam pengurusan sebagai kritikan sastera.
2. Menganalisis konsep algebra untuk dihubungkaitkan dengan lima prinsip Pendekatan Pengurusan.
3. Merumuskan hubungan tersebut dengan membaca konflik, watak, organisasi, kuasa, teknologi, sumber dan perubahan dalam novel *Sampah, Kemelut* dan *Tivi.*

ISBN:2637-126X

LATAR BELAKANG

Ilmu moden tidak lagi berkembang secara sepenuhnya terpisah mengikut sempadan disiplin. Masalah manusia sendiri bersifat kompleks dan sering melibatkan lebih daripada satu bidang. Masalah teknologi, misalnya, mempunyai dimensi kuasa, sosial, ekonomi, psikologi dan nilai budaya. Masalah teknologi ini juga melibatkan kejuruteraan, pengurusan, etika, ekonomi, manusia dan alam sekitar.

Begitu juga dengan sastera. Sebuah novel tentang teknologi bukan hanya berkaitan peralatan. Namun, fenomena dalam teks lazimnya mempunyai lebih daripada satu dimensi. Atas sebab itu, konsep rentas ilmu menjadi semakin relevan. Walau bagaimanapun, perlu dibezakan antara pendekatan multidisiplin, interdisiplin dan transdisiplin. Multidisiplin meletakkan beberapa disiplin secara bersebelahan; interdisiplin menghubungkan konsep dan kaedah antara disiplin; manakala transdisiplin bergerak ke arah pembentukan pengetahuan yang melampaui sempadan disiplin.

Dalam konteks artikel ini, teori semiotik, hubungan pengurusan, matematik dan sastera lebih sesuai difahami sebagai rentas ilmu interdisiplin yang mempunyai potensi transdisiplin. Pada peringkat awal, matematik tidak perlu dijadikan teori sastera. Ia berfungsi sebagai alat konseptual. Pengurusan pula berfungsi sebagai pendekatan untuk mengenal pasti sistem tindakan. Sastera terutamanya kekal sebagai medan novel tempat semua konsep tersebut diuji. Manakala teori semiotik adalah untuk pemaknaan atau mengenalpasti tema novel-novel yang dikaji. Novel-novel tersebut adalah *Sampah, Kemelut* dan *Tivi.*

Anggapan bahawa matematik dan sastera merupakan dua bidang yang tidak mempunyai hubungan perlu diteliti semula. Matematik sememangnya mempunyai sifat formal, abstrak dan deduktif. Sastera pula banyak bergantung kepada bahasa, imaginasi, simbol dan pengalaman manusia. Namun demikian, kedua-duanya berkongsi beberapa unsur penting seperti struktur, pola, hubungan, susunan, transformasi dan pembentukan dunia. Kajian *Literature and Mathematics,* (Nina Engelhardt dan Robert Tubbs, 2021) menunjukkan bahawa matematik boleh muncul dalam karya sastera sebagai tema, simbol, struktur atau idea. Sebaliknya, teks matematik juga boleh dikaji dari sudut naratif, bahasa dan retorik. Ini menunjukkan bahawa sempadan antara matematik dan humaniora tidak mutlak.

Pendekatan rentas ilmu semakin penting dalam kajian kesusasteraan Melayu kerana karya sastera tidak terbentuk dalam lingkungan ilmu yang terasing, sebaliknya berhubung secara dinamik dengan pelbagai bidang pengetahuan yang membentuk pengalaman manusia. Sastera bukan sahaja menjadi wahana pengucapan imaginasi dan estetika, tetapi turut merakam persoalan sosial, ekonomi, politik, budaya, agama, sains, teknologi, psikologi dan pengurusan. Oleh itu, penelitian terhadap karya sastera melalui satu disiplin sahaja berpotensi mengehadkan ruang interpretasi terhadap kompleksiti makna yang terkandung dalam teks.

Pendekatan rentas ilmu membolehkan penyelidik menghubungkan teks sastera dengan konsep, teori dan kaedah daripada disiplin lain bagi menghasilkan pembacaan yang lebih kontekstual dan multidimensional. Misalnya, persoalan pengurusan dalam sesebuah novel dapat diteliti melalui prinsip perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan, manakala simbol dan makna yang mengiringi persoalan tersebut dapat dianalisis melalui pendekatan semiotik. Hubungan ini memperlihatkan bahawa sesuatu teks bukan sekadar menyampaikan cerita, tetapi turut mengandungi struktur pemikiran dan pengetahuan yang dapat dibaca daripada pelbagai perspektif.

Dalam konteks kesusasteraan Melayu, pendekatan rentas ilmu juga penting bagi memperluas sempadan kritikan sastera. Karya seperti novel, cerpen dan puisi boleh menjadi medan pertemuan antara ilmu kemanusiaan dengan ilmu sosial dan ilmu sains. Sebagai contoh, persoalan teknologi dalam karya sastera boleh diteliti bukan sahaja dari aspek kesannya terhadap watak dan masyarakat, tetapi juga dari sudut pengurusan, etika, kuasa, ekonomi dan hubungan manusia dengan alam. Demikian juga, unsur matematik yang hadir dalam teks tidak semestinya dilihat hanya sebagai objek pengiraan, tetapi boleh difahami sebagai struktur pemikiran, simbol, metafora atau alat pembentukan makna. Pendekatan sedemikian membuka ruang kepada penyelidik untuk menemukan hubungan konseptual yang mungkin tidak kelihatan melalui pembacaan konvensional.

Selain memperluas tafsiran, pendekatan rentas ilmu berpotensi menghasilkan pembaharuan dalam wacana kritikan kesusasteraan Melayu. Pertemuan antara disiplin memungkinkan konsep daripada bidang tertentu disesuaikan dengan keperluan analisis sastera tanpa menghilangkan ciri asas

ISBN:2637-126X

teks. Dalam keadaan ini, sastera berfungsi sebagai ruang dialog ilmu yang mempertemukan pengalaman manusia, pemikiran budaya dan perkembangan pengetahuan. Pendekatan tersebut selaras dengan sifat ilmu yang saling berhubungan kerana sesuatu persoalan kehidupan lazimnya tidak dapat dijelaskan secara memadai melalui satu disiplin sahaja.

Kepentingan pendekatan rentas ilmu juga dapat dilihat dari perspektif perkembangan ilmu kesusasteraan Melayu. Penggunaan perspektif daripada bidang pengurusan, teknologi, matematik, psikologi atau sains sosial dapat memperkenalkan istilah, konsep dan kerangka analisis baharu kepada kajian sastera. Hal ini seterusnya berpotensi mengembangkan epistemologi kesusasteraan Melayu dengan memperlihatkan bahawa teks sastera mempunyai keupayaan untuk menghasilkan pengetahuan, bukan sekadar menjadi objek yang menerima teori daripada disiplin luar. Dengan kata lain, pendekatan rentas ilmu boleh mengubah kedudukan sastera daripada sekadar bahan interpretasi kepada sumber pemikiran yang mampu menyumbang kepada pembentukan ilmu.

Dalam konteks ini, pendekatan rentas ilmu juga mempunyai nilai strategik terhadap pembangunan kajian kesusasteraan Melayu pada masa hadapan. Perubahan masyarakat yang dipengaruhi oleh teknologi digital, kecerdasan buatan, perubahan iklim, ekonomi, globalisasi dan transformasi sosial menghasilkan persoalan baharu yang semakin kompleks. Karya sastera turut merakam perubahan tersebut dan memerlukan pendekatan analisis yang mampu memahami hubungan antara manusia, teknologi, institusi, alam dan budaya. Oleh itu, pendekatan rentas ilmu bukan sekadar pilihan metodologi, tetapi merupakan satu mekanisme untuk memastikan kajian kesusasteraan Melayu terus relevan dengan perkembangan ilmu dan realiti masyarakat.

Maka, pendekatan rentas ilmu penting kerana pendekatan ini memperluas medan interpretasi, memperkaya kaedah kritikan, menghasilkan hubungan konseptual baharu dan membuka kemungkinan pembentukan wacana ilmu yang lebih dinamik. Dalam kesusasteraan Melayu, pendekatan ini dapat memperlihatkan bahawa karya sastera merupakan ruang pertemuan pelbagai bentuk pengetahuan dan pengalaman manusia. Justeru, rentas ilmu boleh menjadi landasan penting untuk membangunkan kritikan sastera Melayu yang lebih terbuka, kontekstual, multidisiplin dan berorientasikan pembentukan ilmu baharu.

METODOLOGI

Secara amnya, metodologi kajian dirangka sebegitu rupa untuk memastikan analisis terhadap hubungan antara matematik-algebra dan pengurusan dilakukan secara sistematik, mendalam dan berlandaskan teori. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks bagi meneliti pembolehubahan fakta atau ciri-ciri yang dikaji dengan pendekatan pengurusan dalam novel terpilih karya Shahnon Ahmad. Manakala teori semiotik pula dipilih kerana kajian ini menumpukan kepada pemaknaan dan tafsiran metafora yang digunakan dalam teks sastera, khususnya dalam memahami makna tersurat dan tersirat yang terkandung dalam naratif. Manakala reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif interpretatif, yang bertujuan untuk menghuraikan dan mentafsir fenomena pengurusan teknologi sebagaimana yang digarap dalam karya sastera. Reka bentuk ini sesuai digunakan kerana teks sastera bukan sekadar mengandungi maklumat literal, tetapi turut sarat dengan simbol, ideologi dan kritikan sosial yang memerlukan tafsiran mendalam. Pendekatan yang dipilih iaitu merangkumi sastera melalui novel-novel sebagai bahasa pengalaman manusia, pengurusan sebagai bahasa sistem atau proses pengendalian konflik dan algebra sebagai bahasa hubungan untuk melihat sebab dan akibat sesuatu perkara yang terjadi dalam sastera.

Data kajian diperoleh melalui:

i) Analisis teks - Penelitian rapi terhadap petikan, dialog, peristiwa, watak dan simbol yang berkaitan dengan representasi teknologi dan pengurusannya dalam novel. Kaedah ini juga melibatkan urutan penelitian seperti memahami teks, menganalisis watak, menganalisis struktur naratif, tinjauan pendekatan yang dipaparkan, interpretasi analisis dan seterusnya penyimpulan.
ii) Kajian kepustakaan – Rujukan terhadap buku, jurnal, tesis dan artikel ilmiah yang berkaitan dengan teori semiotik, pengurusan teknologi, serta kajian terdahulu tentang karya Shahnon Ahmad dan cabang ilmu matematik iaitu algebra.

ISBN:2637-126X


Kaedah ini membolehkan pengkaji membina kefahaman teoretikal yang kukuh serta menyokong analisis teks dengan pandangan sarjana. Bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian, beberapa langkah diambil, antaranya:

i) Analisis dilakukan secara konsisten berdasarkan kerangka teori yang telah ditetapkan.
ii) Petikan teks digunakan sebagai bukti sokongan bagi setiap huraian dan tafsiran.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara sistematik dengan berpaksikan reka bentuk kajian yang menyeluruh. Penyelidikan dimulakan dengan huraian deskriptif bagi menjelaskan peristiwa dan konflik dalam ketiga-tiga novel yang dikaji. Seterusnya, proses penganalisisan diteruskan melalui penilaian dan sintesis maklumat bagi membentuk kefahaman serta pemaknaan yang kukuh sebagai asas kepada peringkat seterusnya, iaitu peringkat kritisan. Pada peringkat ini, andaian asas serta implikasi terhadap manusia dan masyarakat dinilai bagi meneliti sejauh mana keberkesanan dan kesan pengurusan teknologi terhadap kesejahteraan manusiawi. Seterusnya pembentukan rumusan matematik yang berpandukan kaedah algebra juga diperkenalkan. Ini bertujuan melihat hubungan antara setiap kaitan atau hubungan ciri-ciri dalam prinsip-prinsip yang telah dikenalpasti. Ianya berdasarkan fahaman mengenai proses sebab dan akibat bagi melihat kesan perubahan dalam ciri-ciri prinsip. Rajah 1 menunjukkan reka bentuk kajian yang terdiri daripada tiga (3) peringkat iaitu peringkat diskriptif, peringkat analitik dan seterusnya peringkat kritis.

Rajah 1: Rekabentuk Kajian



Setiap peringkat adalah tidak terpisah dan pada setiap peringkat adalah asas untuk peringkat yang berikutnya. Ini membolehkan kajian dijalankan secara menyeluruh dan sistematik.

ISBN:2637-126X

PENGURUSAN

Pendekatan pengurusan sastera merupakan suatu perkembangan baharu dalam ranah kritikan sastera yang memperlihatkan peluasan perspektif dalam memahami teks melalui kerangka pengurusan. Pengenalan pendekatan ini dalam bidang kesusasteraan Melayu oleh Profesor Mohammad Mokhtar Abu Hassan memperlihatkan bahawa prinsip pengurusan bukan sekadar terbatas pada bidang organisasi dan pentadbiran, bahkan dapat dimanfaatkan sebagai suatu kerangka intelektual dalam menyingkap struktur pemikiran, tindakan dan hubungan yang terungkap dalam karya sastera. Pendekatan ini diperkenalkan sebagai suatu kaedah analisis baharu dalam kajian sastera melalui kertas kerja bertajuk *"Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Dunia Kritikan"* yang dibentangkan dalam Seminar Himpunan Ilmuwan Sasterawan Melayu (HISMA) pada tahun 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan, 2017).

Pengurusan dalam karya sastera dapat hadir secara tersirat melalui tindakan, pemikiran, konflik, hubungan dan keputusan yang dilakukan oleh watak dalam menghadapi sesuatu keadaan. Hal ini demikian kerana sastera bersifat universal dan subjektif, sekali gus merakam pelbagai sisi kehidupan manusia yang tidak terpisah daripada persoalan pengurusan. Oleh itu, pendekatan pengurusan menuntut penelitian yang mendalam terhadap teks dengan mempertimbangkan bukan sahaja dimensi estetiknya, tetapi juga konteks budaya dan kehidupan yang mendasari pembentukan sesebuah karya. Dalam kerangka ini, pengurusan tidak sekadar dilihat sebagai proses mencapai sesuatu matlamat, tetapi turut menjadi cerminan terhadap cara manusia mengatur kehidupan, membuat keputusan, mengurus sumber serta berhadapan dengan pelbagai tuntutan dan konflik.

Prinsip-prinsip pengurusan turut dapat dikesan dalam pelbagai bentuk karya sastera, sama ada prosa tradisional mahupun prosa moden. Novel dan cerpen, misalnya, memanfaatkan watak dan peristiwa sebagai wahana untuk memperlihatkan secara naratif bagaimana sesuatu prinsip pengurusan diterapkan, dilaksanakan atau bahkan gagal dilaksanakan dalam kehidupan. Kewujudan elemen tersebut menjadikan karya sastera suatu ruang yang signifikan untuk meneliti hubungan antara tindakan manusia dengan kesan yang lahir daripadanya. Justeru, karya yang mengandungi unsur pengurusan tidak sewajarnya dipinggirkan kerana teks bukan sahaja menyimpan nilai estetika, malah berupaya menjadi cerminan terhadap cara manusia mengatur dan mengurus realiti kehidupannya.

Dalam konteks tersebut, novel khususnya wajar diteliti secara lebih mendalam kerana peristiwa yang digarap dalam teks sering kali berfungsi sebagai refleksi atau adaptasi terhadap realiti kehidupan manusia. Watak, konflik dan peristiwa yang dibina oleh pengarang dapat memperlihatkan proses manusia merancang, mengatur, memimpin, mengurus sumber dan mengawal tindakan bagi mencapai sesuatu matlamat. Keberkesanan atau kegagalan proses tersebut pula memberikan gambaran tentang implikasi pengurusan terhadap kehidupan manusia. Dengan demikian, pengurusan dalam karya sastera bukan sekadar suatu unsur yang melengkapi struktur naratif, tetapi dapat dibaca sebagai suatu mekanisme yang memperlihatkan bagaimana manusia berusaha mencapai matlamat dan memenuhi keinginan dalam kehidupan.

Prinsip-prinsip dalam Pengurusan

Pendekatan pengurusan mengetengahkan lima prinsip asas, iaitu perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, penstafan dan pengawalan. Kelima-lima prinsip ini menjadi landasan analisis dalam meneliti struktur dan pemikiran yang terkandung dalam sesebuah karya sastera. Penerapannya dapat ditelusuri melalui pelbagai unsur teks, termasuk watak dan perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar serta pemikiran yang digagaskan oleh pengarang. Dengan demikian, prinsip pengurusan berfungsi sebagai suatu lensa analisis yang memungkinkan teks dibaca bukan sahaja berdasarkan apa yang dinyatakan secara eksplisit, tetapi juga berdasarkan tindakan, hubungan dan proses pengurusan yang tersirat di sebalik pembentukan sesuatu peristiwa.

Kelima-lima prinsip tersebut saling berkaitan dan membentuk suatu rangka pengurusan yang menyeluruh. Perancangan memberikan arah terhadap sesuatu tindakan, pengorganisasian menyusun sumber dan peranan, kepimpinan menggerakkan pelaksanaan, penstafan memastikan keperluan tenaga manusia dipenuhi, manakala pengawalan berfungsi menilai serta memastikan tindakan yang dilaksanakan bergerak selaras dengan matlamat yang ditetapkan. Dalam penelitian sastera, hubungan

ISBN:2637-126X

antara prinsip-prinsip tersebut dapat membantu memperlihatkan sama ada sesuatu tindakan atau pengurusan dalam teks membawa kepada pencapaian matlamat, konflik, kegagalan atau kesan tertentu terhadap kehidupan manusia.

Perancangan

Menurut Gara Dessler (2004), perancangan merujuk kepada kaedah-kaedah terperinci yang diatur terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan dilaksanakan. Andrew F. Sikula (1999) pula menjelaskan bahawa perancangan melibatkan aktiviti fizikal dan mental yang dilakukan sebelum berlakunya sesuatu tindakan. Selanjutnya, Harold Koontz dan Heinz Weihrich (1997) mendefinisikan perancangan sebagai proses menentukan perkara yang hendak dilakukan, cara pelaksanaannya serta individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya (Jaafar Muhammad, 1999, hlm. 39).

Berdasarkan pengertian tersebut, perancangan dapat difahami sebagai suatu proses asas yang mendahului tindakan dan melibatkan pertimbangan fizikal serta mental bagi memastikan sesuatu matlamat dapat dicapai. Perancangan bukan sekadar menetapkan perkara yang ingin dicapai, tetapi turut menentukan arah, kaedah, sumber dan pihak yang terlibat dalam pelaksanaannya. Dalam konteks pengurusan organisasi, perancangan merangkumi penetapan visi, misi dan objektif, penyediaan rancangan operasi, pengurusan keperluan kewangan serta penyediaan sumber manusia yang diperlukan untuk mencapai matlamat.

Perancangan yang sistematik memberikan landasan kepada pengurus untuk menetapkan matlamat kumpulan kerja serta membangunkan strategi yang menyeluruh bagi memastikan matlamat organisasi dapat direalisasikan. Sebaliknya, kelemahan pada tahap perancangan berpotensi mempengaruhi keseluruhan proses pengurusan kerana tindakan yang dilaksanakan tanpa arah dan pertimbangan yang jelas boleh membawa kepada ketidakselarasan antara matlamat dengan pelaksanaan. Oleh itu, perancangan bukan sekadar langkah awal dalam proses pengurusan, tetapi merupakan asas yang menentukan arah sesuatu tindakan dan keberkesanan pencapaian matlamat yang ingin direalisasikan.

Pengorganisasian

Organisasi dapat difahami sebagai suatu kesatuan yang terbentuk daripada dua orang atau lebih yang bekerja secara terkoordinasi bagi mencapai hasil atau matlamat yang dikongsi bersama. Dalam konteks pengurusan, kewujudan organisasi tidak hanya bergantung pada bilangan individu yang terlibat, tetapi turut ditentukan oleh keupayaan mengatur sumber dan menyelaraskan peranan secara sistematik. Justeru, bagi memastikan pengurusan dapat dilaksanakan secara berkesan, seseorang pengurus perlu mengorganisasikan pelbagai sumber, termasuk sumber manusia dan sumber fizikal, di samping mengurus fungsi-fungsi utama seperti pemasaran, pengeluaran dan kewangan secara teratur dan wajar.

Pengorganisasian merujuk kepada proses menyusun sumber-sumber organisasi menjadi suatu kesatuan yang berfungsi secara berkesan agar matlamat dan objektif yang telah dirancang dapat direalisasikan. Proses ini bukan sekadar menentukan perkara yang perlu dilakukan, tetapi turut menetapkan bagaimana sesuatu matlamat hendak dicapai, siapa yang bertanggungjawab melaksanakannya serta bagaimana hubungan antara individu dalam organisasi dibentuk dan diselaraskan (Jaafar Muhammad, 1999, hlm. 62). Dengan demikian, pengorganisasian menjadi penghubung antara perancangan dengan pelaksanaan kerana matlamat yang dirancang memerlukan pembahagian peranan, tanggungjawab dan sumber yang jelas sebelum dapat diterjemahkan kepada tindakan. Pengorganisasian yang dilaksanakan secara sistematik berupaya mengelakkan pertindihan tugas, mengurangkan konflik serta mencegah pembaziran dan penyalahgunaan sumber, termasuk bahan dan tenaga kerja. Dalam proses ini, pembahagian kerja, penjabatan struktur organisasi dan penyelarasan tugas merupakan aspek yang perlu diberikan perhatian agar setiap anggota memahami kedudukan serta tanggungjawab masing-masing. Pada masa yang sama, komunikasi yang berkesan menjadi unsur penting bagi memastikan setiap gerak kerja yang telah dirancang dapat difahami dan dilaksanakan dengan jelas serta tepat. Tanpa penyelarasan yang baik, sumber yang tersedia berpotensi kehilangan arah dan matlamat organisasi pula sukar direalisasikan.

ISBN:2637-126X

Konsep pengorganisasian dapat dianalogikan dengan penyusunan pemain dalam sesebuah pasukan bola sepak. Setiap pemain ditempatkan berdasarkan kebolehan dan kemahiran tertentu, sama ada sebagai penyerang, pemain sayap, pemain tengah, pemain pertahanan atau penjaga gol. Walaupun setiap pemain mempunyai fungsi yang berbeza, keberkesanan pasukan tidak bergantung pada satu-satu posisi secara terasing, sebaliknya bergantung pada sejauh mana setiap posisi dapat berfungsi secara terselaras untuk mencapai matlamat bersama. Analogi ini memperlihatkan bahawa pengorganisasian pada hakikatnya bukan sekadar proses membahagikan tugas, tetapi merupakan usaha menyatukan perbezaan fungsi dalam suatu sistem yang saling melengkapi.

Kepimpinan

Kepimpinan dapat didefinisikan sebagai proses mengetuai dan mempengaruhi aktiviti ahli organisasi yang berkaitan dengan tugas mereka agar mereka bersedia untuk bekerjasama serta berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi. Dalam pengertian ini, kepimpinan tidak wajar disamakan dengan kuasa untuk memaksa atau menekan ahli organisasi. Sebaliknya, seorang pemimpin berperanan sebagai peneraju yang berada di hadapan untuk membimbing, memotivasikan dan mengilhamkan ahli kumpulan agar bergerak secara bersama menuju matlamat yang telah ditetapkan.

Kepimpinan dengan demikian bukan sekadar persoalan kedudukan atau autoriti, tetapi berkaitan dengan keupayaan mempengaruhi manusia untuk menggerakkan sesuatu tindakan secara sukarela dan bersepadu. Pemimpin perlu berupaya menyatukan perbezaan individu, mengarahkan tenaga kumpulan serta membina kesediaan untuk bekerjasama. Keberkesanan kepimpinan akhirnya dapat dilihat melalui sejauh mana anggota organisasi memahami arah yang ingin dicapai dan bersedia menyumbang kepada pencapaian matlamat tersebut.

Peranan ini dapat dianalogikan dengan seorang pemimpin pancaragam atau orkestra yang bertanggungjawab menyelaraskan irama muzik melalui kerjasama dan kesepaduan semua ahli muzik dalam kumpulan tersebut (Jaafar Muhammad, 1999, hlm. 197). Setiap ahli muzik memainkan instrumen yang berbeza dan menghasilkan bunyi yang tersendiri, namun keseluruhan persembahan hanya dapat mencapai keharmonian apabila setiap instrumen dimainkan pada masa, tempo dan arah yang selaras. Demikian juga dalam organisasi; kepimpinan berfungsi menyatukan kepelbagaian individu dan fungsi agar perbezaan tersebut tidak menjadi sumber perpecahan, sebaliknya menjadi kekuatan yang menggerakkan organisasi ke arah matlamat bersama.

Penstafan

Penstafan dalam struktur organisasi merujuk kepada proses menentukan keperluan tenaga kerja dalam sesebuah kumpulan atau organisasi bagi memastikan setiap tugasan yang perlu dilaksanakan dipertanggungjawabkan kepada individu yang sesuai serta berupaya melaksanakannya secara cekap dan berkesan (Harold Koontz & Heinz Weihrich, 1997, hlm. 302). Dalam konteks ini, penstafan bukan sekadar berkaitan dengan pengisian sesuatu jawatan, tetapi melibatkan pertimbangan terhadap kesesuaian antara individu dengan tugas, tanggungjawab dan keperluan organisasi. Menurut Azman Che Omar (2003) dalam *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam* (2003, hlm. 96), penstafan merujuk kepada proses pengurusan sumber manusia yang merangkumi keseluruhan aktiviti yang bertujuan meningkatkan keberkesanan tenaga kerja dalam usaha mencapai objektif organisasi. Pengertian ini memperlihatkan bahawa manusia merupakan sumber penting dalam sesebuah organisasi dan keberkesanan penggunaannya perlu diurus secara terancang. Oleh itu, penstafan dilaksanakan bagi memastikan organisasi memperoleh tenaga kerja yang menepati spesifikasi dari segi kemahiran, pengetahuan dan keupayaan yang diperlukan.

Penstafan yang sistematik dan terancang membolehkan setiap individu ditempatkan pada posisi yang bersesuaian dengan keupayaan serta keperluan tugas yang dipertanggungjawabkan. Kesepadanan antara individu dengan tugas bukan sahaja mempengaruhi kecekapan pelaksanaan kerja, malah menentukan sejauh mana sumber manusia dapat digerakkan secara optimum untuk mencapai matlamat organisasi. Dalam erti kata lain, penstafan menjadi proses yang menghubungkan potensi manusia dengan keperluan organisasi, kerana sesuatu struktur pengurusan tidak akan

ISBN:2637-126X

berfungsi secara berkesan sekiranya individu yang mengisi sesuatu kedudukan tidak memiliki pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang selaras dengan tuntutan tugas.

Dengan demikian, penstafan melengkapkan proses pengurusan dengan memastikan perancangan dan pengorganisasian yang telah dibentuk diteruskan melalui penempatan sumber manusia yang tepat. Organisasi bukan sekadar memerlukan struktur dan pembahagian tugas yang jelas, tetapi juga memerlukan individu yang mempunyai keupayaan untuk menghidupkan struktur tersebut melalui pelaksanaan tugas yang cekap dan berkesan. Melalui penstafan yang tepat, sumber manusia dapat dimanfaatkan secara optimum dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat penubuhan organisasi.

Kawalan

Kawalan dalam pengurusan merujuk kepada suatu proses yang melibatkan pengukuran, pemantauan dan pembetulan terhadap prestasi bagi memastikan segala perancangan serta objektif yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan dan dicapai secara berkesan. Dalam pengertian ini, kawalan bukan sekadar tindakan memerhati atau mengawasi pelaksanaan sesuatu perancangan, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme untuk menilai sejauh mana tindakan yang dilaksanakan bergerak selaras dengan matlamat yang telah ditentukan. Menurut Jaafar Muhammad (1999), kawalan merupakan proses untuk memastikan segala aktiviti organisasi sentiasa terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan.

Selari dengan pengertian tersebut, Mohamad Mokhtar (2023) menjelaskan bahawa kawalan mengandaikan matlamat dan perancangan organisasi telah ditetapkan secara tepat dan mantap. Oleh itu, segala tindakan yang diambil perlu tertumpu kepada usaha merealisasikan matlamat tersebut. Kawalan dengan demikian hadir sebagai suatu mekanisme yang menghubungkan antara perancangan dengan hasil yang ingin dicapai. Melalui proses pengukuran dan pemantauan, sesuatu pelaksanaan dapat dinilai, manakala penyimpangan daripada matlamat yang telah ditetapkan dapat dikenal pasti dan diperbetulkan. Dalam kerangka ini, kawalan bukan semata-mata berfungsi untuk menemukan kelemahan, tetapi turut menyediakan ruang bagi tindakan pembetulan agar sesuatu proses dapat dikembalikan kepada arah yang sepatutnya.

Dalam konteks karya sastera, prinsip kawalan dapat ditelusuri melalui tindakan watak ketika berhadapan dengan konflik, permasalahan atau keadaan yang menghalang pencapaian sesuatu matlamat. Kawalan yang dilakukan oleh watak memperlihatkan usaha mereka memantau keadaan, menilai tindakan yang telah diambil serta menentukan langkah yang perlu dilaksanakan bagi memastikan matlamat yang dirancang dapat direalisasikan. Oleh itu, sesuatu konflik dalam teks tidak hanya dapat dibaca sebagai peristiwa yang mencetuskan ketegangan naratif, tetapi juga sebagai keadaan yang menuntut proses penilaian, kawalan dan pembetulan terhadap tindakan yang telah dilakukan. Sekiranya kawalan yang dilaksanakan tidak berjaya merealisasikan matlamat atau menyelesaikan konflik yang timbul, tindakan pembetulan atau pemulihan perlu dilaksanakan. Tindakan tersebut penting bagi memastikan proses penyelesaian masalah tidak terhenti pada pengenalpastian sesuatu kegagalan, sebaliknya bergerak ke arah usaha memperbaiki keadaan yang telah menyimpang daripada matlamat asal. Dengan demikian, kawalan dapat dilihat sebagai suatu proses yang bersifat dinamik kerana keberkesanannya bergantung pada keupayaan mengenal pasti penyimpangan, menilai puncanya serta mengambil tindakan yang bersesuaian untuk memperbaiki keadaan.

Dalam konteks analisis sastera, prinsip kawalan akhirnya memperlihatkan sejauh mana watak mampu mengurus akibat daripada sesuatu tindakan dan mengembalikan keadaan kepada matlamat yang diinginkan. Kejayaan atau kegagalan kawalan yang dilakukan bukan sahaja memberikan kesan terhadap penyelesaian konflik dalam naratif, malah dapat memperlihatkan keberkesanan keseluruhan proses pengurusan yang dilalui oleh watak. Oleh itu, kawalan menjadi tahap penting yang melengkapkan rangkaian pengurusan kerana sesuatu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan penstafan hanya dapat dinilai keberkesanannya apabila hasil pelaksanaannya dipantau, dinilai dan, jika perlu, diperbetulkan. Melalui proses inilah matlamat yang digerakkan oleh watak dapat ditelusuri sama ada menuju kepada pencapaian, kegagalan atau perubahan daripada matlamat asal.

ISBN:2637-126X

TEORI SEMIOTIK ROLAND BARTHES (1972)

Semiotik merupakan suatu bidang ilmu yang meneliti tanda serta pelbagai proses pemaknaan yang terbentuk melaluinya. Dalam kehidupan manusia, tanda bukan sekadar unsur yang hadir untuk mewakili sesuatu, tetapi menjadi wahana penting dalam menyampaikan maklumat, membentuk pemahaman dan memungkinkan proses komunikasi berlangsung. Kewujudan tanda dalam pelbagai bentuk menjadikan semiotik berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia, khususnya dalam proses mentafsir sesuatu yang dilihat, didengar, dibaca dan dialami. Dalam konteks ini, semiotik mempunyai hubungan yang erat dengan komunikasi dan linguistik. Linguistik memberikan tumpuan terhadap bahasa sebagai suatu sistem, manakala semiotik meneliti tanda secara lebih luas serta proses pembentukan makna yang mengiringinya. Kedua-dua bidang tersebut saling melengkapi dalam usaha memahami bagaimana sesuatu bentuk tanda membawa dan menghasilkan makna.

Semiotik tidak hanya terbatas pada persoalan mengenal pasti tanda, tetapi turut membuka ruang untuk memahami bagaimana makna terbentuk, berfungsi dan diterima dalam sesuatu lingkungan sosial dan budaya. Dalam kajian bahasa dan kebudayaan, penerapan semiotik sebagai kaedah analisis karya sastera membolehkan pengkaji menelusuri cara sesuatu makna dipersembahkan, dibentuk dan disampaikan melalui struktur teks. Dengan demikian, teks sastera dapat dilihat sebagai suatu jaringan tanda yang tidak hanya mengandungi makna pada tingkat permukaan, tetapi turut menyimpan lapisan makna yang lebih mendalam. Tanda, dalam pengertian ini, dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang berdasarkan kebiasaan dan penerimaan sosial yang telah dipersetujui berfungsi untuk mewakili atau merujuk kepada sesuatu yang lain.

Dalam kajian ini, Teori Semiotik Roland Barthes (1972) digunakan sebagai landasan untuk menganalisis tanda-tanda yang hadir dalam karya terpilih Shahnon Ahmad. Pemilihan teori ini bersesuaian dengan sifat karya yang kaya dengan simbol, perlambangan dan makna yang tidak sentiasa hadir secara langsung pada permukaan teks. Barthes memperkenalkan suatu kerangka pemaknaan yang memungkinkan sesuatu tanda diteliti melalui hubungan antara makna yang tersurat dengan makna yang tersirat. Dalam kerangka tersebut, Barthes mengemukakan tiga tahap pemaknaan, iaitu denotasi, konotasi dan mitos.

Denotasi merujuk kepada makna literal atau makna langsung yang terbentuk berdasarkan pemahaman umum terhadap sesuatu tanda. Makna pada tahap ini merupakan makna pertama yang dapat dikenal pasti melalui hubungan antara bentuk tanda dengan perkara yang dirujuknya. Namun demikian, sesuatu tanda tidak berhenti pada makna permukaan tersebut. Pada tahap kedua, tanda bergerak ke wilayah konotasi, iaitu makna yang bersifat tidak langsung, tersirat dan terbuka kepada pelbagai tafsiran. Makna konotatif terbentuk melalui pengalaman sosial, budaya, emosi dan pengetahuan yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat. Oleh itu, tanda yang sama berupaya menghasilkan makna yang berbeza apabila ditempatkan dalam konteks sosial dan budaya yang berbeza.

Pada tahap yang lebih mendalam, Barthes memperkenalkan konsep mitos sebagai suatu bentuk penandaan yang berkait dengan nilai, kepercayaan dan ideologi sesebuah masyarakat. Mitos tidak semestinya hadir dalam bentuk cerita tradisional, sebaliknya berfungsi sebagai mekanisme yang menjadikan sesuatu makna atau gagasan tertentu kelihatan biasa, wajar dan seolah-olah bersifat semula jadi. Dalam pengertian ini, mitos mempunyai keupayaan untuk menormalkan sesuatu nilai atau ideologi sehingga tidak lagi dipersoalkan dalam kehidupan sosial. Justeru, pembacaan secara semiotik tidak hanya berhenti pada persoalan "apakah makna sesuatu tanda", tetapi turut meneliti "bagaimanakah makna tersebut dibentuk, dinormalkan dan diterima dalam sesuatu masyarakat".

Pemikiran Barthes memberikan penekanan terhadap hubungan antara bahasa, budaya dan pembentukan makna. Beliau menumpukan perhatian terhadap cara struktur bahasa dan bentuk-bentuk penandaan mempengaruhi proses pemaknaan, di samping menegaskan bahawa makna tidak terbentuk secara individu semata-mata. Sebaliknya, makna turut dipengaruhi oleh konteks budaya dan sosial yang melingkungi sesuatu tanda. Dalam konteks ini, bahasa dapat dilihat sebagai suatu sistem tanda yang membawa serta mencerminkan andaian, nilai dan pandangan dunia sesebuah masyarakat pada sesuatu masa tertentu (Alex Sobur, 2003, hlm. 63). Oleh itu, pembacaan terhadap tanda dalam teks sastera turut membuka ruang untuk menyingkap pemikiran, nilai dan ideologi yang beroperasi di sebalik sesuatu bentuk bahasa atau gambaran yang dikemukakan oleh pengarang.

ISBN:2637-126X

Kerangka Barthes ini menjadi signifikan dalam penelitian terhadap karya Shahnon Ahmad kerana teks-teks yang dikaji tidak hanya menyampaikan peristiwa secara langsung, tetapi turut membina makna melalui simbol, objek, tindakan, watak dan situasi yang mempunyai hubungan dengan realiti sosial dan budaya masyarakat Melayu. Dalam konteks ini, pendekatan semiotik digunakan untuk menelusuri lapisan makna yang terbentuk daripada tanda-tanda yang hadir dalam novel *Sampah, Kemelut* dan *Tivi.* Setiap tanda diteliti melalui makna denotatifnya sebelum ditelusuri kepada makna konotatif dan seterusnya kepada mitos yang mungkin terkandung di sebalik pembentukan tanda tersebut.

Dengan berbekalkan kerangka pemaknaan Barthes, ketiga-tiga novel tersebut dibaca bukan sekadar berdasarkan apa yang tersurat, tetapi turut melalui apa yang tersirat di sebalik teks. Pendekatan ini memungkinkan penelitian terhadap bagaimana sesuatu tanda bergerak daripada makna literal kepada makna budaya dan seterusnya membentuk wacana ideologi tertentu. Dalam penelitian terhadap teknologi, misalnya, objek atau fenomena teknologi tidak hanya dibaca sebagai benda atau alat yang mempunyai fungsi fizikal, tetapi sebagai tanda yang dapat membawa nilai, pandangan dan ideologi tertentu dalam kehidupan masyarakat. Dengan demikian, penerapan teori semiotik Roland Barthes dalam kajian ini berfungsi sebagai instrumen untuk membongkar lapisan makna yang tersembunyi dalam teks serta memahami bagaimana Shahnon Ahmad mengolah tanda sebagai wahana untuk merakam, mempersoalkan dan memperlihatkan realiti kehidupan masyarakat melalui novel *Sampah, Kemelut* dan *Tivi.*

ALGEBRA SEBAGAI KERANGKA RENTAS ILMU DALAM KRITIKAN SASTERA

Algebra lazimnya difahami sebagai cabang matematik yang menggunakan simbol, pemboleh ubah, pemalar dan operasi untuk mewakili serta menyelesaikan hubungan matematik. Namun demikian, dalam pendekatan rentas ilmu, konsep algebra boleh diperluas daripada fungsi pengiraan kepada suatu kerangka pemikiran yang dapat digunakan dalam kritikan sastera. Perluasan ini tidak bermaksud menjadikan karya sastera sebagai persamaan matematik secara literal, sebaliknya menggunakan prinsip hubungan algebra untuk mengenal pasti struktur, pola, perubahan dan hubungan sebab-akibat yang terkandung dalam teks. Dengan pendekatan ini, algebra dapat berfungsi sebagai alat konseptual untuk menghasilkan permaknaan terhadap teks sastera.

Asas penting dalam algebra ialah konsep pemboleh ubah. Dalam persamaan matematik, pemboleh ubah mewakili nilai yang boleh berubah berdasarkan keadaan atau hubungan tertentu. Konsep ini boleh disesuaikan dalam kritikan sastera untuk memahami unsur naratif yang mengalami perubahan, seperti watak, konflik, kuasa, nilai, teknologi, institusi atau hubungan sosial. Sesuatu watak, misalnya, boleh dianggap sebagai pemboleh ubah yang mengalami perubahan akibat interaksi dengan persekitaran, peristiwa dan watak lain. Perubahan tersebut membolehkan pengkritik meneliti bagaimana sesuatu keadaan awal berkembang menjadi keadaan baharu melalui rangkaian tindakan dan konflik.

Konsep hubungan antara pemboleh ubah juga penting. Dalam algebra, sesuatu pemboleh ubah tidak semestinya berdiri secara terasing, sebaliknya mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah yang lain. Prinsip ini boleh diterapkan untuk membaca hubungan antara watak dengan masyarakat, manusia dengan teknologi, individu dengan institusi atau manusia dengan alam. Sebagai contoh, perubahan teknologi dalam sesebuah novel mungkin berkait dengan perubahan struktur keluarga, nilai masyarakat dan hubungan kuasa. Dalam hal ini, teknologi boleh dianggap sebagai satu pemboleh ubah yang mempengaruhi pemboleh ubah sosial yang lain. Kritikan sastera berasaskan algebra kemudiannya meneliti bentuk dan arah hubungan tersebut.

Selain pemboleh ubah, konsep pemalar juga mempunyai nilai interpretatif. Dalam algebra, pemalar ialah nilai yang tidak berubah dalam sesuatu persamaan. Dalam teks sastera, pemalar boleh dianalogikan dengan nilai, prinsip, kepercayaan atau struktur sosial yang terus bertahan walaupun berlaku perubahan terhadap watak dan keadaan. Misalnya, nilai agama, budaya, tradisi atau kemanusiaan boleh berfungsi sebagai pemalar yang menjadi ukuran terhadap perubahan yang berlaku dalam naratif. Dengan demikian, kritikan algebra bukan sahaja meneliti perkara yang berubah, tetapi turut mengenal pasti perkara yang kekal dan menjadi asas kepada perubahan tersebut.

ISBN:2637-126X

Konsep persamaan pula dapat digunakan untuk memahami keseimbangan atau hubungan antara unsur-unsur dalam teks. Sesebuah naratif boleh dilihat sebagai suatu sistem hubungan yang sentiasa berusaha mencapai, kehilangan atau mengubah keseimbangan. Konflik berlaku apabila terdapat ketidakseimbangan antara dua atau lebih unsur, seperti individu dengan masyarakat, teknologi dengan nilai kemanusiaan, pembangunan dengan alam sekitar atau kuasa dengan keadilan. Dalam perspektif ini, konflik naratif boleh dibaca sebagai suatu bentuk "ketidakseimbangan sistem", manakala perkembangan cerita memperlihatkan proses bagaimana ketidakseimbangan tersebut berkembang atau cuba diselesaikan.

Konsep fungsi dalam algebra juga membuka ruang analisis yang menarik. Sesuatu fungsi menunjukkan hubungan antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Dalam karya sastera, tindakan seseorang watak boleh dilihat sebagai fungsi daripada keadaan tertentu. Perubahan keadaan sosial, misalnya, boleh menghasilkan perubahan terhadap tindakan watak. Begitu juga, sesuatu keputusan pengurusan boleh menghasilkan kesan tertentu terhadap organisasi atau masyarakat. Pendekatan ini membolehkan pengkritik mengemukakan persoalan tentang bagaimana sesuatu sebab menghasilkan kesan dan bagaimana perubahan pada satu unsur turut mengubah unsur yang lain.

Dalam konteks kritikan sastera, pendekatan algebra juga dapat digunakan untuk memahami pola. Sesuatu karya mungkin memperlihatkan pola pengulangan, peningkatan, pengurangan, pertentangan atau transformasi. Pola tersebut boleh dikenal pasti melalui hubungan antara peristiwa, watak, simbol dan konflik. Algebra menyediakan bahasa konseptual untuk memahami pola sebagai hubungan yang tersusun. Dengan demikian, pengkritik tidak hanya membaca peristiwa secara berasingan, tetapi berusaha mengenal pasti struktur hubungan yang mengikat keseluruhan naratif.

Pendekatan ini menjadi lebih bermakna apabila algebra digabungkan dengan teori semiotik. Dalam perspektif semiotik Roland Barthes, sesuatu tanda mempunyai hubungan antara penanda dan petanda yang seterusnya menghasilkan makna denotatif, konotatif dan mitos. Algebra pula dapat digunakan sebagai kerangka untuk melihat hubungan antara tanda, konteks dan makna sebagai suatu sistem yang saling berkaitan. Sebagai contoh, sesuatu objek teknologi dalam teks boleh menjadi penanda, manakala makna literalnya menjadi petanda. Apabila objek tersebut berinteraksi dengan watak, konflik dan konteks sosial, hubungan tersebut menghasilkan makna konotatif yang lebih kompleks. Pada tahap mitos, tanda tersebut mungkin membawa ideologi tertentu tentang kemajuan, kuasa, kemodenan atau nilai kemanusiaan.

Dalam konteks pengurusan, algebra juga berpotensi digunakan untuk memodelkan hubungan antara unsur pengurusan yang terdapat dalam karya. Sebagai contoh, keberkesanan sesuatu sistem pengurusan secara konseptual boleh dilihat sebagai hubungan antara perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Sekiranya salah satu unsur mengalami gangguan, keseimbangan keseluruhan sistem turut berubah. Dalam kritikan sastera, hubungan ini boleh digunakan untuk menjelaskan mengapa sesuatu organisasi, keluarga, komuniti atau institusi dalam naratif mengalami konflik atau kegagalan. Walaupun hubungan tersebut tidak dinyatakan dalam bentuk formula matematik sebenar, logik algebra membolehkan pengkritik membaca teks berdasarkan hubungan antara unsur.

Oleh itu, algebra sebagai kritikan sastera boleh dirumuskan sebagai suatu kaedah pembacaan hubungan. Fokus utamanya bukan pengiraan angka, tetapi bagaimana unsur-unsur dalam teks saling berhubung, berubah dan menghasilkan kesan. Pemboleh ubah mewakili unsur yang mengalami perubahan; pemalar mewakili nilai atau struktur yang relatif stabil; persamaan mewakili hubungan atau keseimbangan; fungsi menggambarkan hubungan sebab-akibat; manakala pola memperlihatkan struktur perubahan dalam naratif. Kesemua konsep ini membentuk suatu kerangka analisis yang membolehkan teks dibaca sebagai sistem hubungan yang dinamik.

Penghubungkaitan ini membuka ruang kepada suatu bentuk kritikan yang melihat karya sebagai sistem yang mempunyai pemboleh ubah, hubungan, ketegangan, keseimbangan dan transformasi. Dalam konteks ini, algebra tidak menggantikan teori sastera, tetapi berfungsi sebagai alat tambahan untuk memperkaya proses interpretasi.

Dengan demikian, penggunaan algebra dalam kritikan sastera boleh dianggap sebagai satu bentuk rentas ilmu antara matematik dan kesusasteraan. Matematik menyediakan struktur pemikiran, manakala sastera menyediakan konteks manusiawi yang kompleks. Pertemuan kedua-duanya

ISBN:2637-126X

memungkinkan pengkritik memahami karya bukan sahaja sebagai susunan bahasa dan simbol, tetapi sebagai jaringan hubungan yang sentiasa mengalami perubahan. Hal ini berpotensi membentuk suatu wacana kritikan baharu dalam kesusasteraan Melayu yang menghubungkan logik matematik dengan pemaknaan sastera tanpa menghilangkan sifat estetika, budaya dan kemanusiaan karya. Maka model kajian yang digunakan menggariskan dimensi semiotik, pengurusan dan algebra yang berhubung dalam kerangka tiga lapis. Kerangka tiga (3) lapis tersebut adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: . Kerangka tiga (3) lapis

Dimensi	**Fungsi dalam analisis**	**Persoalan utama**
Semiotik Barthes	Membaca tanda dan pembentukan makna	Apakah makna denotatif, konotatif dan mitos yang terhasil?
Pengurusan	Membaca proses dan sistem pengurusan	Bagaimanakah perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan berfungsi atau gagal?
Algebra	Membaca hubungan, pemboleh ubah, pola dan keseimbangan	Apakah unsur yang berubah dan bagaimana perubahan satu unsur mempengaruhi unsur lain?

Secara konseptualnya, ketiga-tiga lapis kerangka tersebut dapat dihubungkan antara satu dengan yang lain dalam satu aliran seperti berikut;

Unsur naratif → tanda → makna → fungsi pengurusan → hubungan algebra → akibat

DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada kajian ini dimasukkan dalam Jadual 2 yang menghimpunkan dapatan dari analisis semiotik, pengurusan dan pengaplikasian algebra. Ketiga-tiga novel yang dikaji menunjukkan pula bagaimana tiga (3) pengaplikasian analisis digunakan sebagai wakana kritikan sastera yang menyeluruh dan berstruktur.

Jadual 2: Dapatan dari analisis semiotik, pengurusan dan pengaplikasian algebra

Novel	**Analisis Semiotik**		**Pengurusan**		**Algebra Sebagai Pembolehubah**
Sampah	Denotasi	Sampah sebagai sisa fizikal.	Prinsip Perancangan	Perancangan bandar tanpa kebaiikan	**X + Y → Z → W** di mana; X = sampah Y = pengurusan lemah Z = pencemaran W = kemerosotan sosial Maka, sekiranya; X↑ + Y(-) → Z↑ → W↑ X↑ + Y↑→ Z↑→ W↑ X↓ + Y↑→ Z↑→ W↑ X↓ + Y↓ → Z↓→ W↓
	Konotasi	Lambang kerakusan manusia dan sikap tidak peduli sesama manusia.	Prinsip Peng-organisasian	Jurang sosio ekonomi yang luas, hidup dalam ruang kacau.	
	Mitos	Krisis nilai moral, hilang rasa empati dan nilai-nilai kemanusiaan yang murni akibat teknologi.	Prinsip Kepimpinan	Kawal dan tindas, rakyat hilang motivasi.	
			Prinsip Kawalan	Pengagihan ekonomi tak seimbang.	

ISBN:2637-126X

Kemelut	Denotasi	Teknologi moden	Prinsip Perancangan	Tanpa ada penilaian dan pemantauan berkaitan teknologi dan alam sekitar.	**X + Y → Z → W** di mana; X = teknologi Y = eksploitasi sumber Z = perubahan ekosistem W = konflik masyarakat
	Konotasi	Ketidakseimbangan hidup dalam berhadapan dengan teknologi dan kemanusiaan serta konflik identiti	Prinsip Peng-organisasian	Kilang/teknologi tak diselaraskan.	

Novel	**Analisis Semiotik**		**Pengurusan**		**Algebra Sebagai Pembolehubah**
	Mitos	Ketegangan etika dalam penggunaan dan pelaksanaan teknologi dan kemanusiaan, keprihatinan tentang impak terhadap kehidupan dan sistem ekologi.	Prinsip Kepimpinan	Moral dan konflik antara industri dan masyarakat setempat. Kerosakan	Maka, sekiranya; X↑ + Y↑ → Z↓ → W↑ X↑ + Y↓ → Z↓ → W↓ X↓ + Y↑ → Z↓ → W↑ X↓ + Y↓ → Z↓ → W↓
			Prinsip Kawalan	Pencemaran tak terkawal.	
Tivi	Denotasi	Televisyen sebagai alat hiburan	Prinsip Perancangan	Struktur dan nilai keluarga	**X + Y → Z → W** di mana; X = televisyen Y = intensiti penggunaan Z = interaksi keluarga W = perubahan nilai Maka, sekiranya; X↑ + Y↑ → Z↓ → W↑ X↑ + Y↓ → Z↓ → W↓ X↓ + Y↑ → Z↓ → W↑ X↓ + Y↓ → Z↓ → W↓
	Konotasi	Simbol ketergantungan dan jurang generasi dan pendedahan kepada unsur-unsur yang tidak bermoral.	Prinsip Peng-organisasian	Televisyen mendominisasi organisasi keluarga.	
	Mitos	Ideologi ketagihan dan hiburan dominan dalam sistem kekeluargaan yang mula pincang.	Prinsip Kepimpinan	Pertembungan tradisional dan [illegible] dalam keluarga. Runtuh nilai institusi kekeluargaan.	
			Prinsip Kawalan	Hilang kemasyarakatan dan harga diri.	

Nota :
Prinsip Penstafan di dalam ketiga-tiga novel tersebut adalah tidak jelas, maka dapatan mengenainya tidak diambilkira dalam jadual di atas.

ISBN:2637-126X

Kajian ini telah menganalisis bagaimana Shahnon Ahmad memanfaatkan naratif teknologi sebagai medan kritikan sosial dan ideologi dalam karya-karyanya. Pendekatan pengurusan dalam kritikan sastera menawarkan perspektif unik untuk memahami karya melalui prinsip pengurusan. Ianya juga adalah pendekatan yang sistematik untuk memahami karya sastera dari perspektif interdisiplin. Ia memberikan peluang untuk menghubungkan sastera dengan kehidupan nyata melalui prinsip pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Dengan pendekatan ini, sastera Melayu dapat dianalisis dengan mendalam, meningkatkan apresiasi terhadap warisan budaya dan nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera. Kajian telah mengintegrasikan analisis naratif, semiotik dan pendekatan pengurusan teknologi bagi menilai secara kritis bagaimana teknologi difungsikan bukan sekadar sebagai alat fizikal, tetapi sebagai penanda nilai, simbol kuasa dan medium pembentukan kesedaran sosial dalam masyarakat Melayu.

Melalui pendekatan semiotik Roland Barthes, didapati bahawa teknologi dalam ketiga-tiga novel bukan sekadar unsur latar atau peralatan moden, tetapi berperanan sebagai tanda (*sign*) yang sarat dengan makna tersirat dan mitos ideologikal yang mempengaruhi pemikiran masyarakat. Dalam novel *Sampah*, teknologi pembangunan ditafsir sebagai sistem yang menghapuskan nilai kemanusiaan golongan miskin, melalui watak 'Dia' yang diposisikan sebagai 'sampah' oleh wacana pembangunan. Dalam *Tivi*, teknologi media seperti televisyen dimitoskan sebagai alat kemajuan, tetapi sebenarnya membawa kelalaian dan keretakan institusi keluarga. Sementara itu, dalam *Kemelut*, teknologi dilihat sebagai agen luar yang mengganggu kestabilan budaya kampung dan menimbulkan krisis identiti dalam masyarakat Melayu. Teknologi juga telah memusnahkan alam sekitar dengan pencemaran yang boleh membawa kepada maut.

Unsur matematik dalam bentuk algebra pula membuka ruangan baru dalam memahami perhubungan atau perkaitan antara pembolehubah. Dapatan menunjukkan kesan sesuatu pembolehubah tersebut kepada pembolehubah yang lain. Ianya berdasarkan konsep sebab dan akibat. Dalam novel *Sampah* jelas menunjukkan bahawa antara pembolehubah yang dikenalpasti adalah sampah, pengurusan lemah, pencemaran dan kemerosotan sosial. Memandangkan pengaplikasian algebra dalam kajian ini adalah perhubungan antara pembolehubah unsur, maka strategi yang digunapakai adalah melihat akibat yang terjadi pada sesuatu pembolehubahan tersebut disebabkan pembolehubah yang lain. Maka setiap pembolehubah tersebut terkesan apabila berlaku perubahan dalam senario yang berbeza.

Dapatan harus diinterpretasi seperti berikut;

X↑ + Y↑ → Z↑ → W↑

di mana;
X = sampah
Y = pengurusan lemah
Z = pencemaran
W = kemerosotan sosial

Senario ini menunjukkan sebab keadaan sampah meningkat beserta dengan peningkatan pengurusan yang lemah, maka akibatnya pencemaran bertambah dan juga terdapat peningkatan dalam kemerosotan sosial. Interprestasi yang serupa juga untuk senario atau keadaan-keadaan yang lain. Dalam novel *Kemelut* pula, pembolehubah yang digunakan adalah teknologi, eksplotasi sumber, perubahan ekosistem dan konflik masyarakat, di mana;

X = teknologi
Y = eksploitasi sumber
Z = perubahan ekosistem W = konflik masyarakat

Sekiranya berlakunya di mana;

X↑ + Y↑ → Z↓ → W↑

ISBN:2637-126X

Sebab berlaku pertambahan pada teknologi dan eksplotasi suhu juga meningkat, maka mengakibatkan perubahan terhadap ekosistem menurun dan tentu sekali berlaku pertambahan kepada konflik masyarakat. Seterusnya senario yang berkaitan juga di interprestasikan dalam pemahaman yang serupa. Manakala, dalam novel *Tivi*, pembolehubah yang dikenalpasti adalah televisyen, intensiti penggunaan, interaksi keluarga dan perubahan nilai, di mana;

X = televisyen
Y = intensiti penggunaan
Z = interaksi keluarga W = perubahan nilai

Serupa juga pengaplikasian yang digunakan pada novel-novel *Sampah* dan *Kemelut*, jika

X↑ + Y↑ → Z↓ → W↑

Apabila berlaku pertambahan bilangan televisyen dan intensiti penggunaan juga bertambah boleh mengakibatkan berlakunya kemerosotan interaksi keluarga yang lazimnya melihat juga perubahan nilai yang tidak diingini. Interprestasi yang serupa juga digunapakai pada senario-senario yang berbeza.

Perbandingan tiga novel

Jadual 3: Ketiga-tiga novel boleh ditempatkan dalam satu model rentas ilmu:

Novel	**Pembolehubah utama**	**Tanda utama**	**Isu pengurusan**
Sampah	Sampah–manusia–persekitaran	Sampah	Pengurusan sumber/ persekitaran
Kemelut	Teknologi–alam–manusia	Alam/teknologi	Pengurusan sumber dan ekosistem
Tivi	Televisyen–keluarga–nilai	Televisyen	Pengurusan teknologi dan keluarga

Daripada sini dapat dilihat satu pola:
Sampah → sistem sosial *Kemelut* → sistem ekologi *Tivi* → sistem keluarga

Ketiga-tiganya memperlihatkan teknologi atau objek material sebagai pembolehubah yang berinteraksi dengan sistem manusia.

Hubungan Algebra dengan Pengurusan

a) Prinsip Perancangan

Ciri-ciri perancangan adalah matlamat dan strategi. Strategi terdiri daripada pembolehubahan sumber, masa, manusia dan kaedah. Maka, rumusan algebra yang boleh ditakalkan adalah;

$M_{matlamat} = f\ (S_{sumber}, T_{masa,} H_{modal\ insan}, K_{kaedah})$ Dengan ertikata lain;
Matlamat (M) adalah bergantung kepada fungsi (f);
S = sumber
T = Masa
H = Modal Insan K = Kaedah

ISBN:2637-126X

Kebergantungan dan hubungan ini jelas menunjukkan kesan kepada matlamat akibat fungsi yang tidak diselaraskan dengan baik. Bagi menguji rumusan ini, sekiranya terdapat kekurangan sumber, maka matlamat juga terhad iaitu dalam keadaan di mana M > S, dengan maksud yang jelas bahawa matlamatnya besar daripada sumber yang ada. Dengan penyataan ini, jelas bahawa algebra dapat menzahirkan struktur aspirasi manusia dengan hubungan dan kaitan antara unsur-unsur pembolehubahan.

b) Prinsip Pengorganisasian

Prinsip pengorganisasian pula memerlukan ciri-ciri atau indikator-indikator tertentu, yang lazimnya melibatkan manusia atau modal insan, fungsi atau peranan setiap ahli, sumber-sumber berkaitan dengan serta dalam keadaan berstruktur yang jelas pada setiap peringkat penglibatan ahli.

Rumus algebra yang bersesuaian dengan pengorganisasian boleh ditakalkan oleh hubungan berikut;

$O = \{H_1, H_2, H_3, \ldots, H_n\}$

O = organisasi di mana;

H = indikator unsur pembolehubah ialah manusia atau ahli yang boleh difungsikan atau dipersamakan seperti;

H_1 = pemimpin
H_2 = pekerja atau ahli atau modal insan
H_3 = pakar
H_4 = komuniti
H_n = adalah unsur pembolehubahan yang terbabit secara langsung atau $H_i \rightarrow H_j$ juga boleh mewakili hirerki kedudukan ahli atau aliran dalam sesuatu organisasi. Aliran ini diwakili oleh watak yang melibatkan arahan, komunikasi, kuasa atau autoriti, konflik dan kerjasama. Lazimnya, aliran ini membentuk naratif struktur sosial. Rumusan ini boleh diterjemahkan sebagai organisasi yang mempunyai ahli-ahli yang berperanan dan disusun dalam satu set atau vektor. Ianya menunjukkan bahawa dalam suatu sistem pengurusan, organisasi menghimpunkan beberapa ahli yang berfungsi dan saling berhubungan atau berkaitan.

c) **Prinsip Kepimpinan**

Prinsip kepimpinan dalam pengurusan melibatkan fungsi yang mengaitkan hubungan antara arahan dan maklumat (sama ada lengkap atau tidak) dengan ketidakpastian atau kegagalan dalam keputusan. Ini akan melibatkan sebab dan akibat, iaitu sebab arahan tidak lengkap mengakibatkan konflik seterusnya keputusan yang dibuat tidak tepat maka mengakibatkan kegagalan.

Rumusan algebra yang dicadangkan adalah bersifat hubungan kefungsian antara komponen atau unsur pembolehubahan;

di mana;

$P = f(I, S, R)$

Iaitu;
P = keputusan pemimpin.
I = matlamat atau informasi untuk pemimpin membuat keputusan. S = sumber atau perkara yang boleh mengubah keputusan.
R = risiko yang perlu dipertimbangkan semasa membuat keputusan.

ISBN:2637-126X

Bagi menguji rumusan ini, sekiranya salah satu unsur pembolehubahan tersebut tidak lengkap, sempurna atau berisiko maka keputusan yang hendak dibuat oleh pemimpin juga berlaku ketidakpastian seperti contoh berikut;

I↓ maka P↑ iaitu ketidakpastian keputusan pemimpin juga bertambah.

Senario ini jika P mewakili ketidakpastian keputusan yang perlu dibuat oleh pemimpin. Di sini jelas menunjukkan bahawa sumbangan algebra dapat membina suatu struktur rasional sesuatu keputusan yang perlu dibuat oleh pemimpin. Namun, dari sudut berlainan pula, rumusan algebra boleh juga mengambilkira unsur-unsur pembolehubahan sifat atau ciri-ciri seorang pemimpin untuk dijadikan hubungan fungsional antara unsur pembolehubahan dalam mengenalpasti gaya kepimpinan dalam sesuatu organisasi tersebut.

d) Prinsip Penstafan

Prinsip penstafan adalah berkaitan dengan keupayaan dan kemahiran menjalankan tugasan dan peranan masing-masing. Ianya melibatkan kapasiti atau kemampuan yang diperolehi sama ada telah tersedia ada ataupun skil yang dilatih bagi menyempurnakan sesuatu tugasan. Maka, rumusan algebra yang serupa juga boleh ditakalkan, iaitu rumusan yang menunjukkan kebergantungan unsur-unsur pembolehubahan.

Rumusan tersebut pada asasnya;

$H = \{h_i, h_2, h_3, \dots, h_n\}$

h_i = setiap ahli yang terlibat dan yang diperlukan.

h_i pula bergantung atau berhubung dengan kapasiti atau kemahiran ahli iaitu;

c_i = kapasiti setiap ahli.

Namun, setiap ahli mempunyai kapasiti yang tertentu dan berbagai untuk menyempurnakan tugasan yang diberi.

Jadi;

$$C = \sum_{i=1}^{n} c_i$$

iaitu adalah jumpah kapasiti yang diperlukan.

Selanjutnya, sekiranya urutan mengenai keseimbangan diaplikasikan, maka keperluan kapasiti oleh organisasi haruslah setimpal atau lebih daripada kapasiti setiap ahli. Jika K_{org} mewakili keputusan organisasi, maka indikator atau garis dasar (baseline) adalah seperti berikut;

$K_{org} \geq C$ atau $K_{org} \leq C$ (senario 1) (senario 2)

Senario 1 akan berlaku apabila kapasiti ahli tidak mencukupi manakala senario 2 ialah situasi di mana kapasiti ahli melebihi keperluan kapasiti organisasi. Situasi ini adalah paling ideal, namun jika kapasiti ahli berlaku lebihan kemungkinan pula pembaziran kebolehan atau tenaga akan berlaku. Keadaan yang ideal adalah apabila:

$K_{org} = C$

ISBN:2637-126X

e) Prinsip Kawalan

Prinsip kawalan adalah berhubung dengan melihat sejauh mana pencapaian objektif atau matlamat yang ditetapkan oleh organisasi. Ianya melihat pencapaian sebenar dengan pencapaian yang perlu. Ini melibatkan pemerhatian jurang antara yang dirancang atau yang diletakkan matlamat dengan realiti sama ada gagal atau berjaya. Rumusan algebra yang boleh diungkapkan adalah mengenai perbezaan dan ketidakseimbangan.

Rumusan yang diperkenalkan dan bersesuaian dengan prinsip ini adalah seperti berikut;

$J = A - E$
di mana;

J = jurang pencapaian
A = pencapaian sebenar (actual)
E = pencapaian matlamat (expected)

Dari rumusan ini, beberapa keadaan dijadikan panduan mengenai status pencapaian ataupun kawalan terhadap perbandingan antara pencapaian sebenar dengan pencapaian matlamat.

Senario 1
$J = 0$

Ini bererti bahawa unsur kawalan dipenuhi dengan sebaik mungkin kerana pengukuran pencapaian sebenar adalah sama dengan pencapaian yang dikehendaki mengikut matlamat yang ditetapkan. Bukti pengurusan dijalankan dengan sebaik mungkin dan keseimbangan telah dicapai tanpa perlu pembaziran.

Senario 2
$J < 0$

Ini bererti bahawa unsur kawalan telah mengenalpasti keadaan di mana pencapaian adalah di bawah sasaran. Pencapaian sebenar kurang daripada pencapaian mengikut matlamat yang ditetapkan. Ini adalah satu indikator kegagalan dari segi pengurusan.

Senario 3
$J > 0$

Ini bererti bahawa unsur kawalan telah mengenalpasti keadaan pencapaian yang melebihi sasaran. Pencapaian sebenar melebihi daripada pencapaian yang disasarkan. Ini membuktikan bahawa pengurusan telah dilakukan dengan baik.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kesusasteraan Melayu mempunyai ruang yang luas untuk dianalisis melalui pendekatan rentas ilmu yang menghubungkan sastera dengan algebra, semiotik dan pengurusan. Penggunaan algebra dalam kajian ini tidak dimaksudkan untuk menggantikan kaedah tafsiran sastera, sebaliknya berfungsi sebagai suatu bahasa simbolik untuk memperlihatkan hubungan antara unsur, faktor, proses dan keadaan yang terbentuk dalam naratif. Rumus seperti $O = f(h_1, h_2, h_3)$ dapat digunakan secara konseptual untuk menggambarkan bahawa sesuatu keadaan dalam karya bukanlah terbentuk secara terasing, tetapi merupakan hasil hubungan antara beberapa pemboleh ubah. Melalui pendekatan semiotik Roland Barthes, unsur teknologi yang hadir dalam *Sampah*, *Kemelut* dan *Tivi* dapat dibaca bukan sekadar sebagai objek fizikal atau alat,

ISBN:2637-126X

tetapi sebagai tanda yang menghasilkan makna denotatif, konotatif dan mitos. Teknologi dalam karya-karya tersebut memperlihatkan hubungan dengan persoalan manusia, nilai, kuasa, perubahan sosial, alam sekitar dan struktur kehidupan masyarakat. Dengan demikian, teknologi berfungsi sebagai wahana yang menggerakkan naratif serta membentuk lapisan makna yang lebih luas.

Pengaplikasian Pendekatan Pengurusan pula memperlihatkan bahawa naratif teknologi mempunyai hubungan yang signifikan dengan aspek perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Kelemahan dalam salah satu atau beberapa komponen tersebut boleh menghasilkan ketidakseimbangan dalam sistem yang akhirnya diterjemahkan melalui konflik, kerosakan, perubahan nilai atau kegagalan pengurusan dalam naratif. Dalam hal ini, karya sastera dapat dilihat sebagai ruang yang merakam dan mempersoalkan cara manusia mengurus teknologi serta kesannya terhadap kehidupan. Penggunaan algebra memberikan satu lagi dimensi kepada analisis tersebut. Algebra membolehkan hubungan antara pemboleh ubah dinyatakan secara lebih tersusun, misalnya:

$$N = f(T, M, S)$$

iaitu keadaan naratif Ndapat difahami melalui hubungan antara teknologi T, pengurusan Mdan sistem sosial S. Formula tersebut bukan formula matematik empirikal untuk mengukur karya secara kuantitatif, tetapi model konseptual untuk memetakan hubungan antara unsur yang ditemukan melalui analisis teks.

Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa pendekatan rentas ilmu dapat memperluas fungsi kritikan sastera daripada sekadar mentafsir makna kepada memodelkan hubungan, struktur dan proses yang menghasilkan makna dalam karya. Dalam konteks ini, algebra dapat difungsikan sebagai alat pemikiran struktural, semiotik sebagai alat pembentukan dan pentafsiran makna, manakala pendekatan pengurusan menjadi kerangka untuk memahami proses, tindakan, kegagalan dan keberkesanan pengurusan yang dinarasikan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa algebra mempunyai potensi untuk dikembangkan sebagai satu pendekatan rentas ilmu dalam kritikan sastera. Algebra dalam konteks ini tidak digunakan untuk mengukur nilai estetika sesebuah karya secara kuantitatif, sebaliknya berfungsi sebagai bahasa simbolik dan alat pemodelan hubungan bagi menjelaskan keterkaitan antara unsur yang hadir dalam naratif. Penggabungan algebra, semiotik dan pengurusan seterusnya membuka ruang kepada pembentukan suatu kerangka analisis yang lebih sistematik bagi memahami hubungan antara teknologi, manusia, pengurusan, nilai dan makna dalam karya sastera Melayu.

Sastera bukan sekadar cerminan realiti kehidupan, tetapi juga merupakan ruang intelektual untuk memahami sistem, hubungan dan perubahan dalam kehidupan manusia. Maka, sastera diperlihatkan boleh menjadi ruang pertemuan antara ilmu kemanusiaan dan ilmu formal. Algebra pula memberikan struktur hubungan, semiotik memberikan mekanisme pemaknaan, pengurusan memberikan kerangka organisasi, manakala teks sastera menyediakan ruang untuk memperlihatkan kompleksiti hubungan tersebut. Dengan itu, gabungan sastera, semiotik, pengurusan dan algebra berpotensi memperluas medan kritikan sastera Melayu dan pada masa yang sama mengukuhkan gagasan bahawa makna dalam karya sastera dapat difahami melalui hubungan antara teknologi, sistem, manusia dan nilai. Kajian memperkukuh pandangan bahawa kritikan sastera Melayu boleh berkembang melalui dialog dengan bidang ilmu lain tanpa menghilangkan sifat, fungsi dan identiti kesusasteraan itu sendiri.

RUJUKAN

Abu Bakar Abdul Hamid. (1997). *Diskusi sastera: Kesusasteraan moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Amran. (2002, December 28). *Pengurusan* [Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Pengurusan]. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Andrew F. Sikula. (1999). *Personnel administration and human resources management*. John Wiley & Sons.

Azman Che Omar. (2003). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

ISBN:2637-126X

Barthes, R. (1977). *Image, music, text* (S. Heath, Trans.). Hill and Wang. (Original work published 1977).

Barthes, R. (1989). *The rustle of language*. University of California Press.

Beden, S. (2018). Perancangan bestari dalam *Hikayat Khoja Maimun*: Aplikasi prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 8*(2), 1–10. https://jurnalmelayu.my/jurnal/index.php/JPBM/article/view/839

Berniker, E. (1987, June). *Understanding technical systems* [Paper presentation]. Symposium on Management Training Programs: Implications of New Technologies, Geneva, Switzerland.

Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, & Osman Bakar. (1996). Teknologi menurut perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin, 3*, 147–155.

Dessler, G. (2004). *Management: Principles and practice for tomorrow's leaders* (3rd ed.). Pearson Education.

Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Wahid, & Halim Ali, A. (2023). *Metode pengurusan sastera*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.

Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. (2017). Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam dunia kritikan. *Jurnal Melayu*.

Jaafar Muhamad. (1999). *Asas pengurusan*. Penerbit Fajar Bakti.

Juhary Hj Ali, & Ishak Ismail. (2004). *Prinsip dan amalan pengurusan*. Universiti Utara Malaysia Press.

Juraime, F., & Mohd Hamzah, M. I. (2023). Kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan sekolah. *Proceedings of the 3rd Regional Conference on Educational Leadership and Management*, 324–334.

Kamarudin Husin, & Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 4: Kesusasteraan dan pengajaran*. Kumpulan Budiman.

Koontz, H., & Weihrich, H. (1997). *Pengurusan* (M. S. Mohd, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published in English).

Ladjaharun, H., & Musa, K. (2024). Kepimpinan teknologi pengetua guru besar dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 11*(4).

Ladjaharun, H., & Musa, K. (2024). Memahami kepemimpinan teknologi dalam sektor pendidikan. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastera. *Jurnal Melayu*.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2023). Sejarah, definisi, konsep dan prinsip pendekatan pengurusan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, 13*(1), 1–10.

Mohamad Zuber Ismail, Beden, S., & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014). *Prinsip perancangan: Penelitian berdasarkan cerita-cerita rakyat.* Prosiding International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies.

Nofia, V. S. S., & Bustam, M. R. (2022). Analisis semiotika Roland Barthes pada sampul buku *Five Little Pigs* karya Agatha Christie. *Mahadaya: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya, 2*(2), 143–156.

Norsaliza Mohd Shuhaini. (2021). *Pengurusan intelek kanak-kanak berdasarkan prinsip kepimpinan dalam animasi Upin dan Ipin* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan istilah sastera*. Utusan Publications.

Rahman Shaari. (2001). *Pemikiran dan gaya pengarang*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Shahnon Ahmad. (1974). *Sampah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnon Ahmad. (1995). *Kemelut*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Shahnon Ahmad. (1995). *Tivi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sikula, A. F. (1999). *Personnel and human resource management* (6th ed.). Allyn & Bacon. Sobur, A. (2003). *Komunikasi dalam perspektif semiotik*. Remaja Rosdakarya.

Tuan Rusmawati Raja Hassan, & Nooratikah Daud. (2023). Konflik wanita dalam cerpen-cerpen terpilih Mawar Safei. *Jurnal Melayu, 22*(1), 52–66.

ISBN:2637-126X

Tubbs, R., Jenkins, A., & Engelhardt, N. (Eds.). (2021). *The Palgrave handbook of literature and mathematics*. Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-3-030-55478-1

Wibisono, P., & Sari, Y. (2021). Analisis semiotika Roland Barthes dalam film *Bintang Ketjil* karya Wim Umboh dan Misbach Yusa Bira. *Jurnal Ilmu Komunikasi*.